



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN**

PROGRAM

**PROGRAM CERIA KASIH YKN DAN SUMBANGAN BACK TO SCHOOL
SESI PERSEKOLAHAN 2026**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN HIKMAH EXCHANGE, KUCHING
14 DISEMBER 2025 (AHAD) 4.30PM**

Kemas kini 13 Disember 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan

Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI - (Lampiran disediakan)

1. *Alhamdulillah*, dengan izin Allah S.W.T kita dapat berkumpul pada petang yang ceria ini dalam majlis Program Ceria Kasih YKN dan Sumbangan Back To School. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan anak-anak kita memulakan sesi persekolahan 2026 dengan yakin, ceria dan gembira.

2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir — para ibu bapa, guru-guru, rakan agensi, penaja serta anak-anak yang menjadi tumpuan utama majlis hari ini. Senyuman dan semangat anak-anak inilah yang memberi makna sebenar kepada usaha kebajikan yang kita lakukan.

PROGRAM CERIA KASIH YKN DAN SUMBANGAN BACK TO SCHOOL

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Untuk makluman, Progam Back To School tahun ini telah memberi manfaat kepada 500 murid di Kuching pada hari ini. Manakala 200 murid lagi telah menerima sumbangan yang sama di Lundu semalam. Ini menjadikan seramai 700 murid yang mendapat manfaat hasil kerjasama erat Yayasan Kebajikan Negara dan rakan strategik.

4. Saya merakamkan penghargaan kepada Yayasan Sime Darby atas tajaan baucar pakaian sekolah, PEKEMA atas sumbangan beg sekolah dan alat tulis, serta Dutch Lady Milk Industries Berhad atas sumbangan susu berkhasiat. Sumbangan ini bukan sahaja membantu anak-anak, tetapi juga meringankan beban ibu bapa.

5. Kerjasama sektor korporat seperti ini menunjukkan bahawa menjaga kebajikan anak-anak adalah tanggungjawab bersama. Inilah semangat pendekatan “seluruh masyarakat” atau “whole of society approach” yang melibatkan kerjasama erat antara agensi kerajaan, sektor swasta dan orang awam demi masa depan generasi muda.

Ibu bapa yang dihormati sekalian,

6. Bantuan yang diberikan pada hari ini sedikit sebanyak meringankan beban, namun ibu bapa tetap menjadi tunjang utama dalam membentuk masa depan anak-anak. Kehadiran, perhatian dan bimbingan di rumah amat penting, lebih-lebih lagi dalam dunia hari ini yang penuh dengan cabaran teknologi dan media sosial.

7. Pendidikan bukan hanya tentang pelajaran di sekolah. Ia juga tentang adab, disiplin, keselamatan diri dan kesejahteraan emosi. Saya menghargai pengisian program hari ini yang membantu ibu bapa dan anak-anak memahami perkara-perkara ini dengan lebih baik.

Anak-anak yang dikasihi sekalian,

8. Apa yang anak-anak terima hari ini adalah tanda harapan kami terhadap masa depan kamu dan bukti bahawa ramai orang percaya pada kamu. Belajar rajin-rajin, hormat pada ibu bapa, guru dan rakan-rakan, jagalah adab dan janganlah takut untuk bermimpi besar. Saya percaya setiap murid di sini mempunyai potensi untuk berjaya. Yakinlah bahawa usaha yang gigih akan membuka pintu-pintu kejayaan yang lebih luas.

PENUTUP

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja YKN, para sukarelawan, agensi kerajaan dan para penaja yang bertungkus-lumus memastikan majlis ini berjalan dengan baik dan tersusun. Terima kasih atas dedikasi anda semua yang tidak pernah berbelah bahagi. Apabila kita berganding bahu, kita bukan sahaja membantu hari ini, tetapi sedang membina masa depan yang lebih baik untuk anak-anak kita.

10. Akhir kata, saya berharap Program Ceria Kasih YKN dan sumbangan Back To School ini akan memberi manfaat besar kepada keluarga dan anak-anak kita. Semoga mereka memulakan sesi persekolahan 2026 dengan lebih yakin, ceria dan bersemangat. Saya juga berharap program ini terus menjadi jambatan kebajikan yang menyatukan kerajaan, komuniti dan sektor korporat dalam usaha membina masa depan anak-anak yang lebih selamat, sejahtera dan berdaya maju.

Dengan penuh kesyukuran, dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya merasmikan **Program Ceria Kasih YKN dan Sumbangan Back To School Sesi Persekolahan 2026.**

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamua'laikum W.B.T.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP PENGURUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YKN
14 DISEMBER 2025